

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Peperiksaan Semester **Pertama**  
Sidang Akademik **2002/2003**

**SEPTEMBER 2002**

RHS **501 – PERUMAHAN DAN ASPEK SOSIO-EKONOMI**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan **ini** mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum **anda** memulakan peperiksaan **ini**.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. ‘Dasar perumahan tidak **boleh** hanya difahami melalui objektifnya sahaja, kerana mengikut **amalan**, dasar itu adalah **hasil** daripada interaksi dan keserasian di antara kuasa **pasaran** dan kepentingan kerajaan’.

Bincangkan pemyataan di **atas** berdasarkan pengalaman beberapa buah negara di Eropah.

(25 markah)

2. (a) Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya mobiliti perumahan.  
(b) Apakah kesan mobiliti perumahan kepada ekologi sosial sesebuah bandar?

(25 markah)

3. Bincangkan mengapakah kefahaman **tentang** konsep kejiranan itu penting dalam pembangunan perumahan.

(25 markah)

4. Ada pendapat yang menyatakan bahawa pendekatan kemampuan perumahan yang diamalkan di Malaysia tidak berkesan dalam proses pengagihan perumahan terutama kepada golongan berpendapatan **rendah**.

Berdasarkan kepada pendekatan tersebut, jelaskan pendapat **anda**.

(25 markah)

...2/-

- 2 -

5. (a) Jelaskan kepentingan faktor demografi penduduk dalam menentukan permintaan perumahan di negara ini.

- (b) Bincangkan perbezaan utama di antara konsep keperluan dan permintaan berkesan perumahan.

(25 markah)

6. Di dalam sistem bekalan perumahan, terdapat banyak pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam proses penyediaan tersebut. Terangkan pihak-pihak yang terlibat, tanggungjawab mereka dan masalah yang dihadapi serta prestasi pencapaian mereka dalam pembekalan rumah.

Berikan pendapat anda tentang keberkesanan sistem yang digunakan dan cadangkan sistem terbaik sebagai alternatif kepada sistem yang dilaksanakan sekarang.

(25 markah)

7. Isu-isu perumahan sentiasa mendapat perhatian semua pihak termasuk kerajaan, orang awam dan swasta. Antara isu-isu semasa yang terus dibincangkan adalah dalam aspek berikut:

- (a) Perumahan sebagai tempat kediaman yang memenuhi kehendak manusia.  
(b) Antara bekalan perumahan dan kemampuan pembeli.  
(c) Kemudahan-kemudahan pembiayaan kepada pemaju dan pembeli dan  
(d) Aspek sosial, budaya dan cara hidup penghuninya.

Terangkan lebih jelas aspek-aspek di atas dan sebagai penyokong kepada hujah anda berikan beberapa contoh yang sesuai.

(25 markah)

-ooo00ooo-